



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

---

## PENYENGGARAAN JALAN PERSEKUTUAN : LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA KE TEMERLOH

Sukacita dimaklumkan Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta daripada RM610 juta seperti yang dijanjikan. Manakala baki selebihnya akan disalurkan secara berperingkat.

Kementerian Kerja Raya amat berterima kasih kepada Kementerian Kewangan yang sentiasa menyokong usaha Kementerian Kerja Raya bagi melaksanakan tugas memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Daripada jumlah peruntukan RM200 juta tersebut, sebanyak RM150 juta diperuntukan untuk penyenggaraan berkala pavemen bagi Jalan-Jalan Persekutuan di seluruh Malaysia. Bagi negeri Pahang pula, jumlah yang telah diperuntukan adalah sebanyak RM22.22 juta dan sebanyak RM3.73 juta diperuntukan bagi tujuan membaiki kerosakan di beberapa lokasi jalan-jalan persekutuan di dalam daerah Temerloh.

Satu lawatan kerja telah dilakukan oleh Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Tuan Haji Mohd Anuar Mohd Tahir di tiga lokasi tapak penyenggaraan jalan persekutuan sekitar daerah Temerloh, Pahang.

Tiga lokasi tersebut adalah Jalan Kuala Lumpur – Kuantan (FT02) : Seksyen 234.50 – 235.50 (Membaik pulih permukaan jalan laluan motosikal di Jambatan Sultan Haji Ahmad Shah), Jalan Gemas – Temerloh (FT10) (pembaikan menggunakan kaedah *Mill and Pave, Reconstruction*) : Seksyen 119.00 – 123.00 (Kampung Pengkalan Jaya) dan Seksyen 123.00 – 126.00 (Kampung Buntut Pulau). Kos anggaran yang telah diperuntukkan untuk penyenggaraan ketiga-tiga lokasi ini adalah sebanyak RM1.78 juta.

Kementerian Kerja Raya sentiasa komited untuk memastikan keadaan jalan Persekutuan berada dalam keadaan baik, selamat dan selesa untuk digunakan oleh pengguna jalan raya. Kementerian juga akan terus mempergiatkan usaha dengan memberi fokus kepada isu-isu penyenggaraan tertunggak (backlog maintenance) berdasarkan peruntukan yang akan disalurkan oleh Kementerian Kewangan secara berperingkat kelak.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**29 MAC 2019**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my